



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***KEPUASAN KOMUNIKASI DAN BIMBINGAN PENGAJARAN PEGAWAI  
PEMBIMBING PAKAR PEMBANGUNAN SEKOLAH (SISC+) SEBAGAI  
PERAMAL KUALITI GURU SEKOLAH RENDAH DI MALAYSIA***

**SELVARAJOO A/L MADHAVAN**

**FPP 2021 17**



**KEPUASAN KOMUNIKASI DAN BIMBINGAN PENGAJARAN PEGAWAI  
PEMBIMBING PAKAR PEMBANGUNAN SEKOLAH (SISC+) SEBAGAI  
PERAMAL KUALITI GURU SEKOLAH RENDAH DI MALAYSIA**

Oleh

**SELVARAJOO A/L MADHAVAN**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,Universiti Putra  
Malaysia,sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Januari 2021**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**KEPUASAN KOMUNIKASI DAN BIMBINGAN PENGAJARAN PEGAWAI  
PEMBIMBING PAKAR PEMBANGUNAN SEKOLAH (SISC+) SEBAGAI  
PERAMAL KUALITI GURU SEKOLAH RENDAH DI MALAYSIA.**

Oleh

**SELVARAJOO A/L MADHAVAN**

**Januari 2021**

**Pengerusi : Profesor Madya Soaib Bin Asimiran, PhD**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Profesion keguruan menuntut setiap guru sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti profesionalisme agar berkemampuan dan berkualiti dalam pembentukan modal insan yang berketerampilan demi kemajuan masyarakat dan negara. Ini adalah sesuai dengan peranan dan fungsi jawatan “Pegawai Pembimbing Pakar Pembangunan Sekolah” (SISC+) iaitu inisiatif sub Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025). Pegawai SISC+ berperanan membimbing pengajaran dan pembelajaran guru terpilih di sekolah kurang pencapaian. Kajian ini dilaksanakan bertujuan mengenal pasti tahap kualiti guru, bimbingan pengajaran dan kepuasan komunikasi di sekolah rendah. Selain itu, kajian ini juga menentukan hubungan antara bimbingan pengajaran dan kepuasan komunikasi dengan kualiti guru. Kajian ini juga menentukan pemboleh ubah kepuasan komunikasi sebagai mediator dalam hubungan antara bimbingan pengajaran dengan kualiti guru. Akhirnya kajian ini membangunkan model peramal kualiti guru yang dibimbing oleh pegawai SISC+ sekolah rendah di Malaysia.

Analisis data kajian ini melibatkan 400 guru sekolah rendah dalam band 5, 6 dan 7 yang dibimbing oleh pegawai SISC+ di Malaysia. Kualiti guru yang dibimbing oleh SISC+ diukur dengan menggunakan instrumen Model Standard Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (2010). Bimbingan pengajaran pegawai SISC+ pula diukur dengan Instrumen Bimbingan Pengurusan oleh Sohee et al. (2008) yang diadaptasi. Manakala pemboleh ubah kepuasan komunikasi diukur menggunakan Instrumen Kepuasan Komunikasi yang dihasilkan oleh Downs dan Hazen (1977). Data dianalisis menggunakan SPSS versi 21 dan dihuraikan secara deskriptif serta dimodelkan melalui perisian AMOS versi 24. Analisis statistik Model Persamaan Struktur (SEM) digunakan dalam kajian ini untuk huraian inferensi.

Tahap keseluruhan tiga pemboleh ubah yang dikaji iaitu kepuasan komunikasi, bimbingan pengajaran dan kualiti guru di sekolah rendah Malaysia berada pada tahap tinggi. Bimbingan pengajaran mempunyai kesan langsung yang signifikan dengan kualiti guru. Begitu juga bimbingan pengajaran mempunyai kesan langsung yang signifikan dengan kepuasan komunikasi. Manakala kepuasan komunikasi tidak mempunyai kesan langsung dengan kualiti guru. Bimbingan pengajaran didapati berperanan sebagai faktor peramal kualiti guru manakala kepuasan komunikasi tidak berperanan sebagai faktor peramal kualiti guru dalam kajian ini. Secara keseluruhannya model ini memberi sumbangan sebanyak 70.6 peratus perubahan varian kualiti guru. Pemboleh ubah kepuasan komunikasi tidak berperanan sebagai mediator dalam hubungan antara bimbingan pengajaran dengan kualiti guru. Model bimbingan pengajaran ini memberi sumbangan dan pengaruh yang besar terhadap pembangunan kualiti guru di sekolah rendah Malaysia. Ini menunjukkan peranan pegawai SISC+ dalam membimbing guru secara berterusan adalah penting dalam meningkatkan kualiti guru sekolah rendah di Malaysia.

Kata Kunci: kualiti guru, bimbingan pengajaran, kepuasan komunikasi, pegawai pembimbing pakar pembangunan sekolah (SISC+).

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**COMMUNICATION SATISFACTION AND TEACHING GUIDANCE OF THE SCHOOL IMPROVEMENT SPECIALIST COACHES (SISC+) AS PREDICTORS OF TEACHER QUALITY IN MALAYSIAN PRIMARY SCHOOLS**

By

**SELVARAJOO A/L MADHAVAN**

**January 2021**

**Chairman : Associate Professor Soaib Bin Asimiran, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

Teaching profession requires every teacher to always strive to improve the quality of professionalism in order to be competent and quality in the formation of skilled human capital for the progress of society and the country. This is in line with the role and function of the School Improvement Specialist Coaches (SISC+) which comes under the initiative of National Key Result Areas' (NKRA) Government Transformation Program (GTP) 1.0 Malaysian Education Blueprint. SISC+ officers play a major role in guiding the teaching and learning of selected teachers from underperforming schools. This study was conducted to identify the level of teacher's quality, teaching guidance and communication satisfaction in primary schools. In addition, this study also determines the relationship between teaching guidance and communication satisfaction with teacher's quality. This study also explores the variables of communication satisfaction as a mediator in the relationship between teaching guidance and teacher's quality. Finally, this study developed a model of teacher's quality guided by SISC+ officers for primary schools in Malaysia.

The respondents of this study consisted of 400 primary school teachers guided by SISC+ officers from all over the country. The quality of teachers guided by SISC+ is measured using the instrument of the Model Standard Guru Malaysia, Ministry of Education Malaysia (2010). The teaching guidance of SISC+ officers was adapted and measured with the Management Guidance Instrument by Sohee et al. (2008). Whereas the construct of communication satisfaction was measured using the Communication Satisfaction Questionnaire developed by Downs and Hazen (1977). Data were analyzed using SPSS version 21 and modeled through AMOS software version 24. Statistical analysis of the Structure Equation Model (SEM) was used in this study for descriptive and inferential descriptions.

The study of the overall level of three variables which is communication satisfaction, teaching guidance and teacher's quality in Malaysian primary school is at a high level. Teaching guidance has a significant direct effect on teacher's quality. Similarly, teaching guidance has a significant direct effect on communication satisfaction. Meanwhile communication satisfaction does not have a direct effect on teacher's quality. Teaching guidance was found to play a role as a predictable factor in improving the quality of primary school teachers in Malaysia. In this study the communication satisfaction variable does not support as a mediator in the relationship between teaching guidance and teacher's quality. Teaching guidance was found to play a role as a predictable factor of teacher's quality. Overall this model contributes 70.6 percent variance change in teacher's quality. Communication satisfaction did not support as a mediator in this model. The model significantly contributes to the quality of teachers in primary schools. This shows that the role of SISC+ officers in guiding teachers continuously is important in improving the quality of primary school teachers in Malaysia.

Keywords: teacher's quality, teaching guidance, communication satisfaction, School Improvement Specialist Coaches (SISC +).

## PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Tuhan yang Maha Kuasa atas segala rahmatNya. Setinggi-tinggi kesyukuran atas kesudianNya dan keizinanNya kerana memberkati saya sepanjang masa sehingga dapat menyempurnakan tesis ini.

Melalui ruangan ini, saya ingin merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada penyelia-penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr. Ramli Bin Basri, Profesor Madya Dr. Soaib Bin Asimiran, Profesor Madya Dr. Ahmad Fauzi Bin Mohd Ayub dan Dr. Arnida Binti Abdullah di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Juga kepada penilai dalaman hasil kerja tesis ini iaitu Profesor Madya Ts. Dr. Abdullah Mat Rashid, Ts. Dr. Muhd Khaizer Bin Omar, Dr. Nor Aniza Binti Ahmad dan Profesor Madya Dr. Suhaida Abdul Kadir serta pemeriksa luar Profesor Dr. Chan Yuen Fook. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga buat semua profesor dan pensyarah yang telah mengajar dan membimbing saya sepanjang pengajian ini.

Pada masa yang sama saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah-sekolah kajian kerana telah memberikan kebenaran kepada saya untuk melaksanakan kajian ini.

Setinggi-tinggi sanjungan dan penghargaan saya tujukan kepada ibu bapa, isteri yang sayangi Nallammal Pachappan, anak-anak dan ahli keluarga. Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan terutama Thiruchelvan.K yang telah banyak memberi bantuan serta sokongan moral semasa saya berdepan dengan cabaran.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Soaib bin Asimiran, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Ahmad Fauzi bin Mohd Ayub, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Arnida binti Abdullah, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 08 Julai 2021

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Selvarajoo a/l Madhavan, GS39049

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan**

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Soaib bin Asimiran

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Profesor. Madya Dr. Ahmad Fauzi bin Mohd Ayub

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Dr. Arnida binti Abdullah

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vii
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Hipotesis Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Limitasi Kajian	9
1.9 Definisi Istilah	10
1.9.1 Kualiti Guru	10
1.9.2 Bimbingan Pengajaran	11
1.9.3 Kepuasan Komunikasi	13
1.10 Kesimpulan	14
<b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>15</b>
2.1 Pengenalan	15
2.2 Pembimbing Pakar Pembangunan Sekolah (School Improvement Specialist Coaches-SISC+)	15
2.3 Kualiti Guru	16
2.3.1 Dimensi Kualiti Guru	21
2.3.2 Kajian Kualiti Guru	23
2.3.3 Teori Kognitif	26
2.4 Bimbingan Pengajaran	27
2.4.1 Dimensi Bimbingan Pengajaran	30
2.4.2 Kajian Bimbingan Pengajaran	32
2.4.3 Teori Bimbingan Berkelompok	35
2.5 Kepuasan Komunikasi	36
2.5.1 Dimensi Kepuasan Komunikasi	36
2.5.2 Kajian Kepuasan Komunikasi	40
2.5.3 Model Kepuasan Komunikasi	45
2.6 Teori Kajian	51

2.6.1	Teori Pemusatan Klien (Client-Centered Therapy)	51
2.7	Hubungan Bimbingan Pengajaran dengan Kepuasan Komunikasi	55
2.8	Hubungan Bimbingan Pengajaran dengan Kualiti Guru	56
2.9	Hubungan Kualiti Guru dengan Kepuasan Komunikasi	57
2.10	Kepuasan Komunikasi sebagai Mediator	58
2.11	Kerangka Teoritikal	60
2.12	Kerangka Konsep Kajian	62
2.13	Rumusan	64
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>65</b>
3.1	Pengenalan	65
3.2	Reka Bentuk Kajian	65
3.3	Lokasi Kajian	65
3.4	Populasi	66
3.5	Persampelan	67
3.6	Instrumen Kajian	69
3.6.1	Demografi	69
3.6.2	Instrumen Kajian Bimbingan Pengajaran	69
3.6.3	Instrumen Kajian Kepuasan Komunikasi	70
3.6.4	Instrumen Kajian Kualiti Guru	70
3.6.5	Item Negatif	71
3.7	Penterjemahan Instrumen Kajian	71
3.8	Kesahan Instrumen Kajian	72
3.9	Kajian Rintis	72
3.10	Kebolehpercayaan Instrumen	72
3.11	Prosedur Penyelidikan	73
3.12	Penyediaan Data	74
3.12.1	Kepencongan dan Kurtosis	74
3.12.2	Plot Q-Q Normal	75
3.12.3	Boxplot	75
3.12.4	Histogram	75
3.12.5	Multikolineariti	76
3.13	Proses Analisis Data	76
3.13.1	Tafsiran Skor dan Tahap	77
3.14	Model Pengukuran Melalui Analisis Faktor Pengesahan (CFA)	77
3.15	Analisis Statistik Model Persamaan Berstruktur	79
3.16	Pengubahsuaian Model	79
3.17	Pengujian Mediator Kajian	79
3.18	Analisis Pengesahan Faktor	82
3.18.1	Penilaian Kesepadanan Model Pengukuran Pemboleh ubah Bimbingan Pengajaran	82
3.18.2	Penilaian Kesepadanan Model Pengukuran Pemboleh ubah Kepuasan Komunikasi	84
3.18.3	Penilaian Kesepadanan Model Pengukuran Pemboleh ubah Kualiti guru	86
3.19	Model Pengukuran Keseluruhan Peringkat Akhir	88

	3.19.1	Penilaian Kesahan Pemboleh ubah Model Pengukuran Akhir	92
	3.20	Kesimpulan	93
<b>4</b>		<b>DAPATAN KAJIAN</b>	94
	4.1	Pengenalan	94
	4.2	Demografi Responden	94
	4.3	Tahap Keseluruhan Kualiti Guru, Bimbingan Pengajaran dan Kepuasan Komunikasi	97
	4.3.1	Tahap Kualiti Guru	98
	4.3.2	Tahap Bimbingan Pengajaran	110
	4.3.3	Tahap Kepuasan Komunikasi	116
	4.4	Model Struktural Keseluruhan Peringkat Akhir	121
	4.5	Analisis Hubungan Langsung	122
	4.6	Analisis Peramal dan Sumbangan	125
	4.7	Analisis Ujian Mediator Kepuasan Komunikasi	127
	4.7.1	Analisis Bootstrapping Mediator Kepuasan Komunikasi	128
	4.8	Kesimpulan	131
<b>5</b>		<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	132
	5.1	Pengenalan	132
	5.2	Rumusan Kajian	132
	5.3	Perbincangan	134
	5.3.1	Tahap Kualiti Guru	134
	5.3.2	Tahap Bimbingan Pengajaran	135
	5.3.3	Tahap Kepuasan Komunikasi	136
	5.3.4	Hubungan antara Pemboleh ubah	137
	5.3.5	Kesan Langsung Bimbingan Pengajaran dengan Kualiti Guru	137
	5.3.6	Kesan Langsung Kepuasan Komunikasi dengan Kualiti Guru	138
	5.3.7	Kesan Langsung Bimbingan Pengajaran dengan Kepuasan Komunikasi	139
	5.3.8	Sumbangan Peramal terhadap Kualiti Guru	139
	5.3.9	Kepuasan Komunikasi Sebagai Mediator antara Bimbingan Pengajaran dengan Kualiti Guru	140
	5.4	Implikasi Kajian	141
	5.4.1	Implikasi Teori	141
	5.4.2	Implikasi Praktikal	143
	5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	144
	5.6	Kesimpulan	145
		<b>RUJUKAN</b>	146
		<b>LAMPIRAN</b>	175
		<b>BIODATA PELAJAR</b>	198
		<b>SENARAI PENERBITAN</b>	199

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Pegawai SISC+ dan Populasi (GDB) di Sekolah Rendah Harian tahun 2016	66
3.2 Bilangan Sampel Kajian berdasarkan Negeri mengikut teknik persampelan rawak berstrata bersekadar	68
3.3 Dimensi Bimbingan Pengajaran	69
3.4 Dimensi Kepuasan Komunikasi	70
3.5 Dimensi Kualiti Guru	71
3.6 Nilai Pekali Kebolehpercayaan oleh Pengkaji Lepas	73
3.7 Nilai Pekali Kebolehpercayaan bagi Instrumen Kajian	73
3.8 Andaian Normaliti Berasaskan Kepencongan dan Kurtosis	75
3.9 Nilai Pemboleh ubah dan Hubungan Kofisensi Pearson	76
3.10 Toleransi dan VIF ( <i>Varians Inflation Factor</i> ) Pemboleh ubah	76
3.11 Julat bagi Pengukuran Tahap	77
3.12 Indeks Kesepadanan yang digunakan dalam Kajian	78
3.13 Ketepatan Padanan Data Model Pengukuran Keseluruhan Peringkat Akhir	91
3.14 Pemeriksaan Kesahan Konvergen bagi Pemboleh ubah Bimbingan Pengajaran, Kepuasan Komunikasi dan Kualiti Guru	92
4.1 Taburan Demografi Responden	95
4.2 Tahap Mengikut Pemboleh ubah	98
4.3 Nilai Min dan Sisihan Piawai Kualiti Guru mengikut Dimensi	98
4.4 Pengetahuan dan Kefahaman	99
4.5 Kemahiran PdP	101
4.6 Perancangan Pengajaran	103

4.7	Pelaksanaan Pengajaran	104
4.8	Refleksi	105
4.9	Nilai Profesionalisme Keguruan	107
4.10	Sikap dan Sahsiah	109
4.11	Nilai Min dan Sisihan Piawai Bimbingan Pengajaran mengikut Dimensi	110
4.12	Komunikasi Terbuka	111
4.13	Pendekatan Berpasukan	112
4.14	Nilai Insan	113
4.15	Penerimaan Kesamaran	114
4.16	Pembangunan Guru	115
4.17	Nilai Min dan Sisihan Piawai Kepuasan Komunikasi mengikut Dimensi	116
4.18	Kualiti Media	117
4.19	Iklim Komunikasi	118
4.20	Komunikasi Penyelia	119
4.21	Maklum Balas Peribadi	120
4.22	Integrasi Organisasi	121
4.23	Nilai Standard Kesan Langsung	125
4.24	Nilai Penjelasan Perbezaan ( <i>Squared Multiple Correlations</i> ) dalam Model Struktur	126
4.25	Kesan Saiz	126
4.26	Hipotesis Ujian Kesan Langsung Bimbingan Pengajaran terhadap Kualiti Guru	129
4.27	Nilai Anggaran Standard Model Mediasi	130
4.28	Analisis Mediasi Kepuasan Komunikasi	130



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka surat</b>
2.1	Segi Tiga Kejayaan	17
2.2	Model Proses Komunikasi (Schemerhorn, 2012)	46
2.3	Model Ekologikal Proses Komunikasi (Foulger, 2004)	47
2.4	Adaptasi Model Kepuasan Komunikasi Berdasarkan Model Kepuasan Komunikasi Downs dan Hazen (1977)	50
2.5	Teori Pemusatan Klien (Rogers 1951)	51
2.6	Kerangka Teoritikal	61
2.7	Kerangka Konsep	63
3.1	Pengaruh M (Mediator) ke atas hubung kait antara X dan Y	80
3.2	Pengaruh Mediator Ke atas hubung kait antara Bimbingan Pengajaran dengan Kualiti Guru	81
3.3	Model Pengukuran Penuh bagi Pemboleh ubah Bimbingan Pengajaran	83
3.4	Model Pengukuran Pembetulan bagi Pemboleh ubah Bimbingan Pengajaran	84
3.5	Penilaian Pengukuran Penuh bagi Pemboleh ubah Kepuasan Komunikasi	85
3.6	Model Pengukuran Pembetulan bagi Pemboleh ubah Kepuasan Komunikasi	86
3.7	Model Pengukuran Penuh bagi Pemboleh ubah Kualiti guru	87
3.8	Model Pengukuran Pembetulan bagi Pemboleh ubah Kualiti Guru	88
3.9	Model Pengukuran Keseluruhan Bimbingan Pengajaran, Kepuasan Komunikasi dan Kualiti Guru	90
3.10	Model Pengukuran Keseluruhan yang Telah Mencapai Indeks Kebagusuaian yang Ditetapkan	91
4.1	Model Persamaan Struktural Bimbingan Pengajaran, Kepuasan Komunikasi dan Kualiti Guru	122

4.2	Laluan Regresi ( <i>Regression Path</i> ) antara Pemboleh ubah bagi Model Struktur	123
4.3	Laluan Pekali Regresi ( <i>Regression Path Coefficients</i> ) antara Pemboleh ubah bagi Model Struktur	124
4.4	Model Peramal dan Sumbangan	125
4.5	Nilai Anggaran Bimbingan Pengajaran, Kepuasan Komunikasi dan Kualiti Guru	127
4.6	Kesan Langsung Bimbingan Pengajaran terhadap Kualiti Guru	128
4.7	Model Kesan Tidak Langsung Kepuasan Komunikasi sebagai Mediator	129

## SENARAI LAMPIRAN

<b>Lampiran</b>		<b>Muka surat</b>
I	Instrumen	175
II	Kebenaran Menggunakan Instrumen	181
III	Kesahihan Instrumen	185
IV	Boxplot, Histogram, Scatterplott dan Q-Q Plot	186
V	Min, Sisihan Piawai, Skewness dan Kurtosis & Multikoleriti	190
VI	Model	191
VII	Kebenaran Menjalankan Kajian	194
VIII	Penterjemahan Instrumen kajian.	196
IX	Kesahan Instrumen kajian	197

## SENARAI SINGKATAN

AFI	Absolute Fit Indexes
AGFI	Adjusted Goodness-of-fit Index
AMOS	Analysis of a Moment Structure
AVE	Average Variance Extracted
BP	Bimbingan Pengajaran
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPPDP	Bahagian Perancangan Dasar dan Penyelidikan
CFA	Confirmatory Factor Analysis
CFI	Comparative of Fit Index
CI	Confidence Interval
CMIN/df	Chi-square Mean/Degree of Freedom.
CR	Composite/ Construct Reliability
CSQ	Communication Satisfaction Questionnaire
EFA	Exploratory Factor Analysis
EPC	Expected Parameter Change
EPRD	Bahagian Perancangan Dasar dan Penyelidikan
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GDB	Guru yang Dibimbing
GFI	Goodness-of-Fit Index
GTP	Government Transformation Programme
IFI	Incremental-Fit-Index
ICT	Information Communication Technology
INTAN	Institut Tadbiran Awam

IPG	Institut Pendidikan Guru
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
JNSP	Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikiran Aras Tinggi
KG	Kualiti Guru
KK	Kepuasan Komunikasi
KPLI	Kursus Perguruan Lulusan Ijazah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LMX	Leader Member Exchange
MI	Modification Indices
NFI	Normed-Fit Index
NKRA	National Key Result Area
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PFI	Parsimony Fit Indexes
PISA	Program Penilaian Pelajar Antarabangsa
PKPA	Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)
PTD	Program Transformasi Daerah
RMSEA	Root Mean Square Error of Approximation

SEM	Structural Equation Modeling
SGM	Standard Guru Malaysia
SIE	Standardized Indirect Effects
SIP	Program Pembangunan Sekolah ( <i>School Improvement Program</i> )
SIPartner	Rakan Peningkatan Sekolah ( <i>School Improvement Partner</i> )
SISC+	Pembimbing Pakar Pembangunan Sekolah ( <i>School Improvement Specialist Coaches</i> )
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
SKPMg2	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
TCT	Matriks Bimbingan Guru
TDP	Pelan Pembangunan Guru
TIMSS	Kajian Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa
TLI	Tucker Lewis Index
VIF	Variance Inflation Factor

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti kualiti guru yang dibimbing oleh pegawai Pembimbing Pakar Pembangunan Sekolah (*School Improvement Specialist Coaches - SISC+*) di sekolah rendah Malaysia. Kualiti guru sebagai pemboleh ubah bersandar dan bimbingan pengajaran serta kepuasan komunikasi sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dimodelkan dalam kajian ini. Kepuasan komunikasi dikaji sebagai mediator di antara kualiti guru dan bimbingan pengajaran. Ketiga-tiga aspek ini merupakan perkara penting dalam proses pembangunan sekolah. Perkara yang berkaitan aspek tersebut dihuraikan dalam bab ini. Latar belakang kajian, masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian dan kepentingan kajian dikemukakan dalam bab ini secara menyeluruh.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan Malaysia mengalami perubahan dalam lima dekad yang lalu sejak Laporan Razak, Laporan Rahman Talib, Laporan Jawatankuasa Kabinet, penggubalan Akta Pendidikan 1996, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, sehingga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM). Sistem pendidikan merupakan tunjang pembangunan negara yang bertanggungjawab dalam melahirkan modal insan yang berkemahiran, berpengetahuan dan bersikap positif. Melalui sistem pendidikan tersebut pembangunan modal sosial dan ekonomi dapat dijamin bagi melengkapkan masyarakat dengan kemahiran untuk bersaing di pasaran kerja selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Menteri Pendidikan Tan Sri Muhyiddin Yassin pada tahun 2013, memberi jaminan akan komitmen kerajaan dalam menjalankan transformasi pendidikan bagi tempoh 13 tahun akan datang demi melengkapkan setiap murid dengan kemahiran dan bagi menghadapi cabaran abad ke-21.

Kejayaan sesuatu sistem pendidikan adalah hasil usaha dan kegigihan para guru, pentadbir dan pegawai di setiap aras yang menjadi teras kekuatan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Walaupun negara telah mengecapi kejayaan meningkatkan peluang pendidikan sejak kemerdekaan, namun usaha untuk mencapai aspirasi yang tinggi pada peringkat global semakin sengit dan perlu dipertingkatkan. Oleh itu, KPM telah menggubal perubahan besar dalam sistem pendidikan seperti mana dirancang dalam PPPM, perubahan ini bukan sekadar melibatkan penambahan bilangan kakitangan dan kemudahan infrastruktur, tetapi menjurus ke arah usaha untuk memahami dan menambah baik proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

Proses penambahbaikan dalam pendidikan hanya akan berlaku dengan wujudnya program perkembangan profesionalisme guru yang merupakan mekanisme penting dalam memenuhi keperluan perubahan sistem pendidikan negara (Ghani & Adnan, 2015). Profesion keguruan menuntut setiap guru sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti profesionalisme agar menjadi guru yang kompeten dan berkualiti memandangkan guru memainkan peranan dalam pembentukan modal insan, pembangunan sumber manusia, masyarakat dan negara (Subramaniam, 1995; Abdul Rafie, 2002; Abdul Shukor, 2004). Keberkesanan kualiti pengajaran guru merupakan aspek penting dalam melakukan transformasi pendidikan untuk meningkatkan keberhasilan murid. KPM juga beriltizam meningkatkan kualiti pengajaran di sekolah melalui pemberian ganjaran kepada guru yang berkualiti serta berhasrat menyediakan laluan kerjaya yang lebih baik (KPM, 2012).

PPPM menegaskan aspirasi sistem dan aspirasi murid sebagai dua tonggak utama dalam transformasi sistem pendidikan di Malaysia. Aspirasi murid dalam meningkatkan kemahiran berfikir merupakan satu komponen utama dalam melahirkan murid yang seimbang selaras dengan FPK. Aspirasi ini membantu setiap murid belajar kecuali memperoleh ilmu pengetahuan sepanjang hayat melalui perasaan ingin tahu untuk membolehkan mereka menghubungkan kait pelbagai disiplin ilmu dan mencipta ilmu yang baharu. Pelbagai kemahiran kognitif termasuk penaakulan dan pemikiran kritis, kreatif serta inovatif perlu dikuasai oleh murid demi kejayaan. Perkara ini masih memerlukan perhatian, supaya murid yang kurang berupaya dapat mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan berfikir secara kritis di luar konteks akademik (KPM, 2012).

Mengikut Bahagian Profesionalisme Guru (2018), guru berkualiti merupakan guru yang mempunyai tahap amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran PdPc yang tinggi bagi membolehkan mereka berfungsi sebagai guru profesional dengan berkesan. Guru memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah masyarakat dan negara bagi membentuk generasi masa depan. Aspek merealisasikan dan transformasi profesion keguruan sebagai profesion pilihan merupakan anjakan keempat di bawah PPPM 2013-2025. Ini menunjukkan profesion perguruan merupakan penggerak utama dalam sistem pendidikan. Oleh yang demikian sebarang perubahan dan transformasi perlu memberi perhatian terhadap kualiti guru. Ini disebabkan perubahan yang berlaku terhadap kerjaya guru mempengaruhi kualiti pencapaian murid (Muhammad Faizal, 2013; Ahmad Marzuki, 2013; Nor Hidayah, 2014; Mohd Faiz, 2016).

Guru yang berkompentensi perlu memiliki ciri-ciri seperti kecakupan bidang, mengenali pelbagai kaedah mengajar, penguasaan kaedah mengajar, penglibatan murid dalam pengajaran, bersemangat, susunan dan kejelasan. Seorang guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mendalam berkaitan bidangnya supaya dapat merancang dan mengajar dengan lebih baik dengan berkeyakinan dalam mengawal kelas dengan baik. Kesedaran dalam kalangan guru adalah penting berkaitan apa yang dipelajari di pusat pengajian, tidak semestinya memenuhi keperluan di sekolah. Bagaimanapun, guru yang berkualiti akan terus menerima tanggungjawab dan mempelajari perkara yang mereka rasakan belum kompeten.



Pella (2015) mendapati guru yang berkualiti dan berkesan di dalam kelas merupakan guru yang mampu menyampaikan pengetahuan, konsep dan kemahiran kepada murid dengan kaedah yang terbaik. Kemampuan guru dalam menyampaikan pengajaran yang berkesan dan berkualiti merupakan suatu elemen yang penting dalam proses PdPc, lebih-lebih lagi guru merupakan agen utama dalam melaksanakan perubahan dalam kurikulum. Kegagalan guru untuk melaksanakan PdPc yang berkesan kemungkinan besar menghalang perubahan kurikulum dilaksanakan dengan baik (Sulaiman, Mohd Ayub, & Sulaiman, 2015). Guru perlu memiliki pengetahuan kandungan dan pedagogi yang baik agar memberikan pengajaran yang berkualiti dan berkesan dalam kelas (Ball, Thames & Phelps, 2008; Lee Shing, Mohd Saat & Heng Loke, 2018; Pella, 2015; Shulman, 1987). Sementara itu, Starkey (2016) menegaskan tanpa pengetahuan kandungan dan pedagogi yang baik, pengajaran guru menjadi kurang berkesan dan murid gagal mendapat ilmu sepatutnya. Kualiti guru kerap kali diberi fokus dalam penyelidikan pendidikan (Ballou & Podgursky, 1997). Kualiti guru bukan sahaja dilihat melalui kompetensi, kelayakan, pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki tetapi juga dilihat melalui semangat, dedikasi dan komitmen mereka. Menurut Yusof dan Tumirah (2011), guru berkualiti merupakan guru yang berkeyakinan tinggi, memiliki tingkah laku positif, dapat mengawal dan mengatasi sesuatu situasi atau masalah dengan baik dan kreatif. Guru yang berkualiti adalah mereka yang berkomited, berdedikasi dan ikhlas dalam melaksanakan tugas yang diberi (Mohd, 2006; Nordin, Gusti & Keeves, 2010) dan seterusnya menghasilkan PdPc yang berkesan serta membantu meningkatkan kualiti pembelajaran murid (Ibrahim & Marzuki, 2011).

Sekolah Malaysia memerlukan perubahan secara berterusan bagi mengekal dan meningkatkan prestasi secara berkesan. Perkara ini termaktub dalam misi KPM dan merupakan wawasan serta agenda penting dalam pembangunan potensi murid sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara (Bahagian Perancangan Dasar dan Penyelidikan, 1999). Komitmen dari kepimpinan sekolah dan guru yang menjadi tonggak utama, sangat diperlukan untuk mengekal dan meningkatkan prestasi serta kemenjadian murid dalam kurikulum, kokurikulum dan sahsiah di peringkat sekolah.

Hala Tuju Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti 2010-2015 menyatakan JNJK komited dalam mewujudkan pendidikan berkualiti dengan membantu meningkatkan kualiti PdPc. Ini menggambarkan betapa pentingnya guru yang berkualiti dalam sistem pendidikan. Menurut Maulana, Helms-Lorenz dan Grift (2015) guru harus mempunyai rasa tanggungjawab dalam melaksanakan PdPc yang dapat menarik minda murid. Rasa tanggungjawab ini merangkumi kesedaran terhadap pelbagai kemahiran yang perlu ada, contohnya penambahbaikan kaedah pengajaran, menguasai teknologi untuk keperluan dan mempermudah proses pendidikan, membina suasana yang harmoni, serta membentuk hubungan mesra dalam proses PdPc (Syafri, 2010) pemilihan media pembelajaran yang tepat dan bersesuaian dengan mata pelajaran serta mengikut perkembangan murid (Rahayu, Syafril & Yuberti, 2017). Seterusnya untuk menjayakan PdPc tersebut guru perlu bermotivasi tinggi bagi memacu minat belajar murid (Serafin, 2016; Syafrimen, Ishak & Erlina, 2017). Dengan pembelajaran yang aktif di kalangan murid dapat memaksimumkan pencapaian hasil belajar (Karacop, 2016).

Kecemerlangan kepemimpinan dan kualiti guru sering kali dikaitkan dengan perubahan dan keberkesanan pelaksanaan sistem pendidikan dalam sesebuah sekolah (Kantrowitz & Wingert, 2000). Kemajuan dan pembangunan sesebuah negara sering dikaitkan dengan sistem pendidikan, kepimpinan sekolah, kualiti guru dan pencapaian murid (Wan Mohd Zahid & Wan Mohd Noordin, 1993; Abdul Shukur Abdullah, 1995, 1998, 2004). Selaras dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti guru, KPM telah membangunkan Program Transformasi Daerah (PTD) agar Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dapat meningkatkan prestasi sekolah di bawah pengawasannya. Program ini bermatlamat mengurangkan sekolah berprestasi rendah kepada sifar, mengurangkan jurang pencapaian pendidikan antara murid bandar dan luar bandar sebanyak 25 peratus dan meningkatkan kehadiran murid sebanyak 95 peratus. PTD menganjakkan tanggungjawab KPM yang melibatkan sekolah kepada JPN dan PPD. JPN berperanan menyokong usaha PPD dalam melaksanakan tanggungjawab baharu dan mengurangkan penglibatan secara terus dengan sekolah (PPPM, 2012).

Seterusnya, peranan dan fungsi PPD juga bertambah dengan bertindak sebagai barisan hadapan dan menyokong peningkatan konsisten prestasi ke pencapaian sekolah. PPD terlibat secara langsung dengan sekolah secara lebih kerap bagi tujuan melatih, membimbing dan memantau prestasi sekolah. Peluasan peranan ini melibatkan penetapan sasaran setiap sekolah, penyediaan bimbingan untuk guru dan pengetua atau guru besar, pemantauan dan penggunaan data untuk memaklumkan aktiviti penambahbaikan sekolah, memastikan pengetua atau guru besar dan guru bertanggungjawab terhadap prestasi, mengadakan dialog prestasi, mewujudkan kerjasama dan perkongsian maklumat antara sekolah dan menetapkan pemberian sumber kepada sekolah yang paling memerlukannya (PPPM, 2012).

Urutan daripada usaha tersebut, PPPM (2013-2025) dasar perjawatan SISC+ telah diwujudkan dan diperjelaskan peranan. Para pegawai SISC+ yang dilantik adalah dalam kalangan Guru Cemerlang yang telah mengikuti latihan intensif bagi membantu melaksanakan tugas bimbingan kepada guru terpilih dalam aspek pedagogi berdasarkan mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Pegawai SISC+ yang ditempatkan di PPD, perlu ke sekolah yang dipantau sekurang-kurangnya empat kali dalam setahun bagi tujuan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh setiap guru yang dikenal pasti serta merancang program intervensi yang sesuai dijalankan di sekolah berkenaan bersama-sama dengan Rakan Peningkatan Sekolah (*School Improvement Partner- SIPartner*). Bimbingan dilaksanakan bagi sekolah berprestasi rendah iaitu sekolah band 5, 6 dan 7 (PPPM, 2012), namun sekolah band 1 hingga 4 tidak terlibat dalam bimbingan yang diberikan oleh pegawai SISC+.

Inisiatif pelaksanaan bimbingan adalah bagi meningkatkan prestasi guru secara menyeluruh bagi mengurangkan jurang antara sekolah dalam sistem pendidikan Malaysia mengikut kehendak PPPM (2013-2025). Pelaksanaan bimbingan ini juga akan memberi impak terhadap pembelajaran murid dan pencapaian serta dapat bersaing dalam dunia globalisasi. Bimbingan pegawai SISC+ secara langsung membantu meningkatkan modal insan bagi negara.

Pegawai SISC+ perlu menjalankan tanggungjawab berdasarkan cadangan rancangan tugas dalam seminggu. Dalam melaksanakan bimbingan ini, pegawai SISC+ perlu melaksanakan bimbingan seperti yang disaran iaitu sebelum, semasa dan selepas sesuatu PdPc dijalankan. Dalam seminggu tiga hari digunakan untuk bimbingan di sekolah dan satu setengah hari untuk program nasional, membuat laporan, berbincang dan bermesyuarat. Bimbingan pengajaran yang menjadi tugas utama pegawai SISC+, lebih memberikan kesan kepada pembentukan kualiti guru, khususnya dalam aspek perancangan dan pelaksanaan pengajaran. Melalui bimbingan ini, pegawai SISC+ dapat menggunakan segala sumber yang ada untuk membimbing guru dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran menarik dan seterusnya dapat menyerlahkan potensi masing-masing terutamanya dalam aspek amalan pengajaran.

Pihak pengurusan sekolah adalah bertanggungjawab dalam memastikan semua guru di sekolah berkenaan mencapai tahap PdP yang cemerlang (Ong, Zamri & Mohd Izham, 2017). Dalam usaha untuk meningkatkan kecemerlangan guru pihak pentadbiran sekolah melaksanakan pencerapan secara berterusan serta memberi latihan dan bimbingan secara terancang. Melalui pencerapan tersebut pihak pentadbiran sekolah mengenal pasti guru-guru yang masih belum menguasai kaedah PdP serta belum mencapai tahap yang dikehendaki. Guru berkenaan disenaraikan dan dirujuk kepada pegawai SISC+. Tanggungjawab pegawai SISC+ adalah melaksanakan bimbingan secara terancang terhadap guru-guru berkenaan mengikut panduan dan tatacara yang disediakan.

Dalam membimbing guru yang terpilih pegawai SISC+ memerlukan penguasaan komunikasi yang baik. Komunikasi yang berkesan mempunyai empat ciri iaitu kefahaman, keseronokan, menjaga kepercayaan sasaran dan adanya tindakan yang menyusuli (Amir & Ahmad, 2016). Komunikasi yang baik dapat meningkatkan pemahaman dan melaksanakan tugas dengan berkesan. Komunikasi dianggap sebagai nadi sesebuah organisasi (Rogers, 1967) dan individu dalam sesebuah organisasi (Myers, 1964).

Menteri Pendidikan Mahdzir Khalid (2016 & 2017) dalam perutusan KPM menekankan kepentingan untuk komunikasi secara berkesan. Pada tahun 2016 menyatakan komunikasi dua hala di kalangan pegawai, guru dan staf; manakala pada tahun 2017 pula menekankan tentang perlunya komunikasi berkesan dengan masyarakat. Komunikasi yang berkesan dapat meningkatkan kepuasan seseorang insan dan hasil kerjanya. Begitu juga kepuasan komunikasi dalam organisasi merupakan satu penghubung di antara pemimpin dan orang yang dipimpin supaya dapat menggerakkan tenaga secara tersusun dalam mencapai objektif yang dirancang. Kepuasan komunikasi yang berkesan dianggap sama pentingnya dengan perancangan dan pelaksanaan sesuatu program atau inisiatif. Justeru, kepuasan komunikasi memainkan peranan penting dalam menjayakan bimbingan pengajaran yang diberikan oleh pegawai SISC+ dalam meningkatkan kualiti guru yang dibimbing. Maka dalam kajian ini kepuasan komunikasi diketengahkan sebagai mediator di antara kualiti guru dan bimbingan pengajaran yang diberikan oleh pegawai SISC+.

Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan secara menyeluruh untuk mengkaji persepsi terhadap bimbingan pengajaran pegawai SISC+ dan kepuasan komunikasi sebagai mediator serta hubungannya dalam meningkatkan kualiti guru yang dibimbing sangat relevan dan bertepatan dengan transformasi pendidikan serta perubahan globalisasi pendidikan bagi melahirkan guru yang berkualiti seperti yang dihasratkan oleh KPM.

### **1.3           Pernyataan Masalah**

Bimbingan pegawai SISC+ merupakan satu inisiatif baharu dalam sistem pendidikan Malaysia. KPM memperuntukan pelbagai sumber dari segi latihan, kewangan, perjawatan dan lain-lain kemahiran bagi memastikan pelaksanaan bimbingan mencapai hasrat yang dijangkakan. Pelaksanaan bimbingan ini perlu dikaji bagi mendapatkan maklumat terperinci dari semasa ke semasa bagi membantu KPM supaya memastikan bimbingan berkenaan mencapai matlamat yang diperlukan. Pelaksanaan bimbingan pegawai SISC+ ini masih di peringkat awal yang memerlukan pengenalan pastian kekuatan dan kelemahan bagi usaha penambahbaikan. Ini adalah kerana dengan pemantapan bimbingan ini bukan sahaja dapat membantu guru yang dibimbing (GDB), malah KPM dan negara dalam membentuk modal insan yang berkualiti.

Seterusnya data kajian yang dijalankan di EPRD, KPM (2014) menyatakan pegawai SISC+ menghadapi masalah utama dalam penerimaan oleh GDB. GDB bersikap negatif, beranggapan hanya mencari kelemahan dan tidak menerima kehadiran pegawai SISC+. Malahan, pegawai SISC+ dilabelkan sebagai masih kabur dengan standard prosedur operasi yang ditetapkan oleh KPM (KPM, 2014). Hasil kajian ini membuka ruang untuk mengkaji secara lebih mendalam untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci.

Berdasarkan laporan kebangsaan pemeriksaan pelaksanaan Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) kohort 1 JNJK KPM, (2018) mendapati kualiti pengajaran guru secara keseluruhan berada pada taraf sederhana iaitu 71.54 peratus daripada 298 pengajaran yang dicerap. Di mana sangat sedikit PdPc iaitu 4.03 peratus berada pada taraf cemerlang, 31.54 peratus PdPc berada pada taraf baik, 60.07 peratus PdPc bertaraf sederhana dan 4.36 peratus berada pada taraf lemah. Laporan ini juga memetik bahan antara faktor yang menyebabkan PdPc bertaraf sederhana dan lemah adalah disebabkan guru masih mengamalkan PdPc berpusatkan guru, kurang menguasai isi kandungan pelajaran, aktiviti yang dirancang tidak berfokus pada objektif, penggunaan kemahiran berfikir kritis dan kreatif tidak diamalkan serta objektif tidak dicapai.

Fokus utama guru adalah mengajar dan mendidik anak murid. PdPc merupakan bidang utama para guru. Di Malaysia guru dicerap dengan menggunakan instrumen Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Instrumen ini dijadikan panduan oleh Nazir Sekolah, Pegawai JPN, PPD dan Pengetua/Guru Besar dalam memastikan sekolah mencapai tahap yang ditetapkan oleh KPM. Ini sepertimana dilaporkan dalam PPPM (2012), yang membentuk kepada persepsi yang berbeza tentang pencerapan PdPc berkualiti antara sekolah dan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK). Sekolah

menyatakan 63 peratus adalah Baik atau Cemerlang, berbanding JNJK menyatakan hanya 13 peratus sahaja mencapai tahap tersebut. Perbandingan hasil kedua-dua pencerapan ini menunjukkan bahawa guru perlu berusaha bagi meningkatkan kaedah pengajaran sedia ada untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran baharu yang dihasratkan oleh KPM melalui PPPM (KPM, 2012). Ini menunjukkan kualiti guru perlu dipertingkatkan supaya pencapaian murid meningkat.

Secara keseluruhannya kajian terdahulu masih belum menggabungkan aspek kualiti guru, bimbingan pengajaran dan kepuasan komunikasi dalam satu kerangka teori. Kajian ini direka bentuk dengan memberi tumpuan terhadap faktor peramal dan mediator bagi kualiti guru sekolah rendah Malaysia. Bimbingan pengajaran dan kepuasan komunikasi dikaji sebagai peramal kepada kualiti guru. Selain itu kepuasan komunikasi juga dikaji sebagai mediator dalam hubungan bimbingan pengajaran dengan kualiti guru. Kajian ini juga mencari hubungan antara ketiga-tiga pemboleh ubah iaitu kualiti guru, bimbingan pengajaran dan kepuasan komunikasi. Demografi sekolah rendah Malaysia adalah unik dan terdiri daripada tiga aliran utama iaitu SK, SJKC dan SJKT. Maka kajian ini meliputi semua aliran sekolah rendah di peringkat kebangsaan supaya dapat memberi maklumat ilmiah yang bermakna kepada perancangan dan pelaksanaan dasar di peringkat KPM dan kepada teori.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian dijalankan bagi menentukan hubungan bimbingan pengajaran dan kepuasan komunikasi kepada kualiti guru yang dibimbing oleh pegawai SISC+ selain menentukan peramal kepada kualiti guru. Secara khususnya kajian ini dilaksanakan untuk:

1. Menentukan tahap bimbingan pengajaran, kepuasan komunikasi dan kualiti guru yang dibimbing oleh pegawai SISC+.
2. Menentukan hubungan antara bimbingan pengajaran dengan kepuasan komunikasi dan kualiti guru yang dibimbing oleh pegawai SISC+.
3. Menentukan hubungan antara kepuasan komunikasi dengan kualiti guru yang dibimbing oleh pegawai SISC+.
4. Menentukan model peramal dalam hubungan antara bimbingan pengajaran dan kepuasan komunikasi dengan kualiti guru yang dibimbing oleh pegawai SISC+.
